Universiti Malaysia PAHANG

**PERPUSTAKAAN**
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SUMBER : ... Harian Metro
TARIKH : 6/9/2003
MUKA SURAT : ..........

# Pilihanraya Kuktem berjalan lancar

KUANTAN: Pilihanraya Kolej Universiti dan Teknologi Malaysia (Kuktem) di Kampus Gambang, dekat sini, berjalan dalam suasana persaudaraan kerana masing-masing mengucapkan tahniah.

Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Korporat Kuktem, Aszahari Mohd Jameri, berkata hanya dua kerusi dipertandingan bagi Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian.

Calon yang menang, ialah Yasmin Mohd Yusoff memperolehi 192 undi menewaskan K Gunasegaran yang memperolehi 152 undi.

Sejumlah 319 daripada 371 atau 85.98 peratus pelajar keluar mengundi, tujuh daripada sembilan kerusi diperuntukkan menang tanpa bertanding iaitu tiga kerusi umum dan empat kerusi fakulti.

"Konsep kepimpinan dan suasana persaudaraan ini adalah yang diterapkan oleh Kuktem kepada pelajarnya," katanya di sini, petang kelmarin.

Menurutnya, kebanyakan isu dicanangkan calon lebih tertumpu kepada aspirasi dan visi Kuktem dan calon lebih kepada komuniti Kuktem sendiri.